

# UTHM bergelap sejam sokong kempen Earth Hour

2.4.11  
SNW

**BATU PAHAT** – Beberapa mercu tanda dan bangunan Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM) bergelap selama sejam sebagai tanda sokongan Kempen Earth Hour 2011, di sini.

Ia termasuk asrama Kolej Kediaman Tun Fatimah, Tun Dr. Ismail, Tun Syed Nasir dan kawasan pentadbiran yang menyertai kempen menyelamatkan dunia daripada pemanasan global ini.

Pegawai Perhubungan Awam UTHM, Shafry Salim berkata, UTHM turut tidak ketinggalan menyahut seruan kempen ini dengan anjuran bersama Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Hartabina dengan tema "Tutup Lampu Anda, Selamatkan Bumi Kita".

"Objektif sebenar kempen ini adalah untuk memberi kesedaran



Panorama di Perpustakaan UTHM sebelum dan selepas lampu dipadamkan.



Panorama di sekitar kawasan sebelum dan selepas lampu dipadamkan.



kepada generasi muda dan khususnya warga UTHM tentang isu kesan pemanasan global dan pencemaran kepada bumi dan manusia sejagat.

"Langkah ini sebagai tanda sokongan moral universiti kepada dunia dalam menyahut saranan WWF, melindungi bumi dari terus dicemari akibat kerakusan manusia mengejar kemajuan serta pembangunan tanpa menitikberatkan pemeliharaan alam sekitar," katanya.

Katanya, mereka memadamkan lampu dari jam 8.30 malam hingga 9.30 malam sebagai simbol keprihatinan masing-masing terhadap isu pemanasan global dan perubahan iklim.

Earth Hour bermula pada 2007 di Sydney, Australia hasil cetusan Dana Hidupan Liar Sedunia (WWF) dan pada tahun berikutnya, ia

disertai 50 juta masyarakat di 35 negara.

Menurutnya, tepat jam 8.30 malam, kempen menutup lampu bermula dengan lampu jalan, lampu kawasan dan lampu bangunan yang ditutup secara berperingkat dalam kampus UTHM.

"Program bersama ini turut sertai penghuni asrama Kolej Kediaman Tun Fatimah, Tun Dr. Ismail dan Tun Syed Nasir dengan menutup keseluruhan lampu blok asrama. Kempen yang berlangsung selama sejam ini telah menyebabkan kampus induk UTHM gelap gelita bila semua lampu ditutup," katanya.

Katanya, program mendapat sambutan dan kerjasama baik dari Unit keselamatan, pengetua serta warga kolej kediaman sekitar kampus.